

“ASEAN boleh main peranan aktif dalam usaha ini”

# MAHATHIR SERU UBAH SUASANA MM 18 JUN 1989 INDO-CHINA

**K**UALA LUMPUR, 17 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa kuasa - kuasa besar mengambil langkah ke arah menukar Indo-China dari sebuah medan pertempuran menjadi sebuah kawasan baru perdagangan di rantau ini.

Perdana Menteri berkata, ASEAN boleh memainkan peranan aktif dalam usaha ini, tetapi hanya negara - negara Indo-China sendiri yang boleh mengubah nasib mereka.

Beliau berharap semua kuasa luar termasuk negara - negara Eropah Barat dan negara - negara Asia Timur Laut akan datang ke Asia Tenggara untuk melaksanakan peranan yang memberi manfaat kepada semua.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan dasarnya di Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik yang ketiga di Hotel Pan Pacific di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan kuasa - kuasa besar itu hendaklah memberi sumbangan kepada keamanan dunia dan sudah tiba masanya aktiviti ketenteraan dikurangkan dan tumpuan dihalakan ke arah mempertingkatkan ekonomi.

Dalam hubungan ini, beliau percaya da-

lam beberapa tahun akan datang semua negara di dunia akan beralih kepada kegiatan ekonomi sebagai haluan negara itu sendiri sementara pengaruh ketenteraan pula dijangka merosot.

Perdana Menteri mengingatkan hasrat menjadikan negara - negara Indo-China sebagai pusat perdagangan yang baru tidak akan tercapai tanpa usaha negara - negara itu sendiri di samping pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea.

Beliau menegaskan bahawa begitu banyak bergantung kepada pengunduran tentera Vietnam dan ini mesti dilakukan.

Katanya, ASEAN perlu memainkan peranan untuk memastikan Kampuchea yang muncul semula itu bebas, berkecuali dan aman.

Penyelesaian politik yang menyeluruh, tegasnya, perlu diusahakan supaya jalan keluar yang dicapai kelak adalah suatu yang bermaruah, yang mengiktiraf keadaan sebenar dan yang memberi tempat yang bermakna kepada Putera Norodom Sihanouk.

Dalam pada itu, kata Perdana Menteri, negara - negara ASEAN pula hendaklah terus menjalinkan hubungan baik sesama mereka bagi menjamin rantau ini bebas dan aman, katanya.

Perdana Menteri seterusnya mahu kuasa - kuasa besar mengiktiraf peranan negara - negara kecil dalam menyumbang keamanan dunia secara menyeluruh.

**LIHAT MUKA 12** ✓

## UBAH SUASANA INDO-CHINA

MM 18 JUN 1989

"Sebagai Perdana Menteri di sebuah negara yang kecil, saya suka menegaskan bahawa negara - negara kecil dapat memainkan peranan mewujudkan keamanan di rantau Pasifik," katanya.

Menurut beliau, negara - negara kecil seperti Malaysia dan negara - negara anggota ASEAN yang lain telah berjaya mewujudkan keamanan di rantau ini.

Katanya, setiap negara mampu memberi sumbangan kepada keamanan dunia sekiranya sesebuah negara itu dapat mengendalikan hal ehwal negara masing - masing dengan sempurna.

Iegasnya, negara - negara anggota ASEAN akan terus mengemukakan keamanan yang wujud sekarang di rantau ini.

Sambil berharap agar Hanoi akan memenuhi ikrarnya untuk mengundurkan tenteranya menjelang September, beliau berkata ASEAN kini seharusnya bersiap sedia untuk melancarkan peringkat kedua dalam usaha perdamaian rantau.

"Ini ialah pewujudan sistem kenegaraan Asia Tenggara apabila setiap negara wujud secara aman damai antara satu dengan yang lain, melibatkan hormat - menghormati."

Beliau menyeru ne-

gara - negara Asia Tenggara supaya menghapuskan segala perasaan syak wasangka dan salah faham kerana perpecahan tidak akan membawa apa - apa faedah kepada mana - mana negara.

"Demi kepentingan Asia Tenggara secara keseluruhannya, perlu diwujudkan perimbangan tenaga yang sihat, satu sistem yang terbuka kepada dunia, mengandungi negara - negara yang sejahtera ekonominya, dinamik daripada segi sosialnya, selamat, aman dan bersatu pada segi politiknya."

Oleh itu, kata Perdana Menteri, mereka mesti bersedia menerima penglibatan secara menyeluruh oleh se-

mua kuasa besar dan oleh Burma, Vietnam, Laos dan Kampuchea.

Persidangan selama empat hari itu dihadiri oleh lebih 150 orang peserta dari 23 buah negara dan dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Peserta - peserta itu termasuklah dari Australia, Britain, Brunei Darussalam, Burma, Canada, Kampuchea, China, Fiji, Perancis, Indonesia, Jepun, Korea Utara, Korea Selatan, Laos, Malaysia, Mongolia, New Zealand.

Antara isi yang akan dibincangkan ialah masalah Kampuchea, hubungan kuasa - kuasa besar dan ASEAN.